

Dasar-dasar
Adat Perpatih

OLEH . ABDUL RAHMAN BIN HJ. MOHAMMAD

dasar-dasar adat perpateh

untuk anak2-ku :

- *zarina*
- *zarida*
- *zariati*
- *zaziani*

DASAR-DASAR ADAT PERPATEH

oleh

Abdul Rahman bin Hj. Mohammad



1964

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA
KUALA LUMPUR.

BAB VIII

PERTALIAN ANTARA SUKU2

Sekarang kita sudah melihat bahawa tiada sa-orang pun di-dalam masharakat Adat Perpateh itu yang di-benarkan kahwin dalam Suku-nya sendiri. Sa-tiap Anak-buah mesti-lah bersemenda kepada Suku yang lain.

Oleh yang demikian maka berlaku-lah perkahwinan antara Suku2. Sa-laku ini terjalin-lah pertalian erat per-kahwinan antara Suku2 dalam sa-sabuah Luak itu. Maka ada-lah sa-perkara yang biasa bahawa "Resam" atau "Orang2 Semenda" kepada satu2 Suku itu akan terdiri dari Anak2-buah kepada semua Suku yang lagi sa-belas di-dalam Luak.

Di-sebabkan pertalian perkawinan ini-lah maka Suku2 dalam Luak itu juga merupakan Besan2 antara satu dengan yang lain. Maka berbesan-besan pula-lah Suku2 itu.

Sa-perkara lagi yang patut di-ingat, ia-itu walau pun sa-orang anak itu menjadi Anak-buah kepada Suku ibu-nya, namun dalam hidup-nya ia juga mempunyai hubungan erat persaudaraan dengan Suku bapa-nya, kerana saudara2 bapa-nya itu tetap sahaja menjadi saudara-mara-nya juga.

Suku2 dalam sa-sabuah Luak itu juga boleh di-katakan hidup jiran berjiran antara satu dengan yang lain.

Dengan pertalian seperti ini maka tentu-nya ujud perasaan hormat menghormati, segan menyegani antara Suku2 yang bersemenda menyemenda, yang berbesan-besan dan yang berjiran-jiran itu.

Perasaan hormat menghormati, segan menyegani antara Suku2 itu tentu-nya menghendakan budi bahasa yang baik sa-kali.

“Dalam alam Raja-nya
dalam Luak Penghulu-nya
dalam Suku Lembaga-nya
berumpok masing2,
berhak sa-orang satu
harta orang jangan di-tarek
untuk kita jangan di-berikan
dudok berpelarasan,
dekat rumah, dekat kampung
boleh pinta meminta,
sakit pening jengok menjengok”.

Demikian-lah chara berbudi bahasa yang baik menurut Adat Perpateh.

Akan tetapi budi bahasa yang baik ini sa-harus-nya sudah di-berikan apabila sahaja sa-saorang itu berkahwin, kerana ia sentiasa sahaja akan menjaga nama baik diri-nya dan nama baik Suku-nya di-tempat semenda-nya itu.

Kalau di-tempat-nya sendiri ia akan mengutamakan budi bahasa yang baik dari orang semenda-nya, maka begitu juga-lah keadaan di-tempat semenda-nya, sudah tentu orang2 di-tempat semenda-nya itu akan mengutamakan budi bahasa yang baik pula daripada ia-nya.

“Nan setuju di-awak itu, hendak-nya elok pula pada orang”. Demikian kata Adat. Kalau kita hendakkan yang baik bagi kita maka kita juga hendak-lah memberikan yang baik pula kepada orang lain.

Tambahan pula sa-tiap orang semenda di-tempat se-

semenda-nya itu haruslah berbudi bahasa seperti di-adatkan:

"Bila bersemenda di-mana2 Suku,
sah-lah kata adat,
ayer orang di-sauk,
ranting orang di-patah,
adat orang di-turut,
di-mana bumi di-pijak
di-situ-lah langit di-junjung.
Masok kandang kerbau menguak,
masok kandang kambing membebek,
bagaimana adat tempat semenda—
di-pakai-lah".

Maka apabila di-dapati budi bahasa yang baik tentu-nya akan berlaku kerjasama dan gotong royong antara Suku2 di-dalam sa-tian Luak itu.

Dengan tiada-nya ketenteraman dan kerjasama atau budi bahasa ini tentu-nya hidup dalam sa-sabuah Luak dan negeri itu tiada akan sejahtera ada-nya.

"Tegak bersaudara, saudara di-pertahankan,
tegak berkampong, kampong di-pertahankan,
tegak bersuku, suku di-pertahankan,
tegak bernegeri di-pertahankan,
tegak berbangsa, bangsa di-pertahankan".

Beberapa Soalan:

- (1) Bagaimana pula boleh di-anggap Suku2 yang semenda menye-menda itu sa-bagai orang2 yang berbesan?
- (2) Bagaimana pula perhubungan sa-orang anak dengan Suku bapa-nya?
- (3) Bagaimana-kah adat orang2 yang dekat rumah, dekat kampong?

PENUTUP

Penyusun ingin mengingatkan bahawa buku ini hanya mencheritakan "Adat Perpateh" itu pada dasar-nya sahaja, kerana perbedzaan2 kechil-kechilan di-sana sini tetap di-dapati dari "Adat Perpateh" yang di-pakai di-Naning dengan yang di-pakai dalam Luak2 Negeri Sembilan dan juga di-Minangkabau; seperti di-katakan oleh pepatah: "Lain padang lain belalang, lain lubok lain ikan". Akan tetapi pada dasar-nya belalang itu belalang juga dan ikan itu ikan juga; dan demikian juga pada dasar-nya "Adat Perpateh" itu ada-lah sama belaka keadaan-nya di-tiap-tiap Luak dan Negeri tersebut.

Berhubung dengan Bab Kesabelas, penyusun meminta ma'af kerana tiada dapat menghurai, membinchang dan mencheritakan kesah "Raja Tiada Bernegeri" itu dengan sa-penoh-nya, kerana ia-nya sa-benar-nya merupakar sejarah Negeri Sembilan, yang sudah tentu akan lebeh sesuai di-binchang dan di-huraikan dalam sa-buah buku sejarah pula.

Di-sini juga penyusun ingin menyatakan bahawa susunan dan kekuasaan pemerintahan seperti telah di-cheritakan itu ada-lah yang telah betul2 di-jalankan di-waktu para penganut "Adat Perpateh" itu telah memerintah negeri2 mereka sendiri.

Kita semua tentu ma'alam bahawa sejak orang2 Minangkabau, Naning dan Negeri Sembilan di-perintah oleh Kuasa2 Penjajah (Belanda dan Inggeris), kuasa2 "Undang", "Lembaga" dan "Buapak" itu sudah banyak di-rampas dan di-perkechilkan.

Hari ini mereka itu hanya mempunyai kuasa menguruskan perkara2 kecil sahaja.

Kita juga terlebih ma'alam bahawa "Adat Perpateh" itu merupakan Falsafah Hidup satu bangsa "Petani".

Maka sama ada Falsafah Hidup itu sesuai atau tidak untuk satu masharakat yang hidup "Dalam zaman Perindustrian"—seperti zaman yang kita tempoh sekarang—tiadalah penyusun bermaksud membinchangkan-nya pula.